

20/08/2002

Dinar emas diguna tahun depan

Zainab Mohd Yatim

MALAYSIA akan menggunakan dinar emas sebagai mekanisme tambahan untuk pembayaran bagi perdagangan antarabangsa negara, mulai pertengahan tahun depan.

Penasihat Khas Ekonomi kepada Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, berkata kerajaan sudah mendapat persetujuan dengan beberapa negara lain untuk berbuat demikian.

Katanya, usaha untuk mengurus niaga menggunakan dinar emas sudah dimulakan dan Malaysia sudah mendapat persetujuan beberapa negara yang akan bekerjasama dengannya.

"Mungkin tidak sesuai untuk saya memberitahu nama negara berkenaan ketika ini, tetapi sambutan yang diberikan amat menggalakkan," katanya di Kuala Lumpur, semalam.

Nor Mohamed berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Sistem Kewangan Global yang Stabil dan Adil bertemakan "Daya Maju Dinar Islam" anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Terdahulu, beliau membentangkan kertas kerja "Perdagangan dan Dinar Emas: Komponen Masa Depan Sistem Kewangan Islam Antarabangsa" pada seminar dua hari itu yang dihadiri lebih 250 peserta dari dalam dan luar negara.

Ketika ini, urus niaga dan pembayaran bagi perdagangan antarabangsa negara dikendalikan terutama dalam dolar Amerika dan mata wang beberapa negara utama dunia yang lain.

Nor Mohamed berkata, pada peringkat awal pelaksanaan perdagangan antarabangsa menerusi mekanisme dinar emas, pembayaran urus niaga akan dibuat menerusi sistem Peraturan Pembayaran Dua Hala (BPA).

Apabila sistem itu sudah matang dan semakin diterima lebih banyak negara, kaedah BPA itu akan ditukar kepada sistem Peraturan Pembayaran Pelbagai Hala (MPA).

Beliau seterusnya menjelaskan, Malaysia sudah bersedia melaksanakan dinar emas dan akan mempromosi serta menjadi peneraju pelaksanaan mekanisme berkenaan.

Cadangan penggunaan dinar emas sebagai penyelesaian bagi perdagangan antarabangsa dikemukakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ia dicadangkan sebagai pilihan bagi pembayaran dan mengelak sesuatu mata wang dijadikan komoditi yang diniagakan sehingga mencetuskan krisis kewangan.

Dalam ucapannya, Nor Mohamed berkata, penggunaan dinar emas dalam perdagangan di kalangan negara Islam adalah usaha tepat bagi melengkapkan sistem kewangan Islam yang sudah dibangunkan dua dekad lalu.

"Dinar emas yang tidak dimiliki oleh mana-mana negara akan menjadi instrumen bagi memudahkan perdagangan antarabangsa terutama di kalangan negara Islam," katanya.

Nor Mohamed berkata, penggunaan dinar emas tidak akan menggantikan mata wang domestik seperti ringgit yang boleh terus dijadikan alat urus niaga domestik Malaysia, walaupun selepas menggunakan dinar emas bagi dagangan luar.

"Dinar emas hanya akan digunakan bagi dagangan luar negara di kalangan negara yang menyertainya," katanya.

Pada asasnya, beliau juga percaya fungsi utama dinar emas adalah bagi menggalakkan kebebasan perdagangan sebagai perantaraan pertukaran yang diterima di seluruh dunia.

"Dengan menggalakkan perdagangan antara negara Islam, ia akan turut mendorong kerjasama seluruh umat Islam dalam kedua-dua perspektif kewangan dan ekonomi," katanya.